Sebagaimana yang kita ketahui kedudukan para *huffaz* al-Quran sangat tinggi di sisi Allah S.W.T. Seterusnya mereka juga dipandang tinggi di sisi manusia. Penghormatan ini merupakan suatu amanah dari Allah S.W.T kepada mereka. Tanggungjawab pengajaran al-Quran juga terletak pada bahu mereka. Selepas seseorang itu mengkhatamkan hafazan al-Quran, mereka hendaklah memelihara dan seterusnya mengekalkan hafazannya supaya kekal dalam ingatan. (Mohd Fazri, 1999).

Menurut Azmil Hashim (2010) penilaian tahap hafazan pelajar masih belum mencapai objektif pendidikan tahfiz sepertimana yang telah ditetapkan. Antara faktor yang menjadi punca terhadap permasalahan tersebut adalah kerana terdapat kelemahan dalam kaedah pengajaran pembelajaran tahfiz itu sendiri (Mohd Marzuqi, 2008). Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Azmil Hashim (2010) menyatakan bahawa punca kelemahan pelajar tahfiz itu adalah berdasarkan kaedah pengajaran tahfiz itu sendiri. Sebagaimana hasil kajian dari Misnan dan Ahmad Sadadi (2003) menjelaskan bahawa 60% daripada pelajar tidak dapat menamatkan hafazan al-Quran sebagaimana jadual yang ditetapkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Beberapa kaedah telah dicadangkan bagi memelihara hafazan berpandukan pencapaian hafazan seseorang (Ir. Amjad Qasim Sa'dulloh, 2008). Bagi mereka yang belum khatam hafazan 30 juzuk, ayat-ayat yang telah dihafaz perlu dibaca berulang kali sebelum menghafaz ayat baru. Ulangan ayat-ayat yang telah dihafaz ini perlu dilakukan dua kali sehari atau dua hari sekali. Ulangan ayat-ayat yang telah dihafaz ini boleh dilakukan bersendirian seperti membacanya di dalam solat, selain mengulangnya bersama rakan atau di hadapan guru. Bagi tahap hafazan satu hingga sepuluh juzuk al-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Quran, *murajaah* ayat-ayat yang telah dihafaz perlu diselesaikan dalam masa seminggu. Bagi tahap kedua iaitu hafazan sepuluh sehingga lima belas juzuk, *murajaah* ayat-ayat yang dihafaz perlu diselesaikan dalam masa dua minggu. Manakala hafazan lima belas hingga dua puluh juzuk, *murajaah* perlu diselesaikan dalam masa tiga minggu dan begitulah seterusnya dan perlu diulang-ulang sentiasa.

Selain menggunakan kaedah *takrar*, mendengar rakaman *murattal* al-Quran juga merupakan salah satu kaedah *murajaah* yang sistematik. Tradisi *'sima'an'* iaitu saling dengar dan memperdengarkan hafazan dalam kalangan *huffaz* perlu diteruskan kerana ia juga membantu untuk menjaga dan mengekalkan hafazan. Selain itu, menyertai *ihtifal*, *musabaqah* al-Quran atau menjadi Imam juga salah satu cara untuk mengekalkan hafazan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, terdapat satu hadis daripada Rasulullah S.A.W. yang menyatakan tentang kedudukan ahli al-Quran dan keutamaan penghafaz al-Quran dalam solat berjemaah (Ahmad, 2015).

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ، قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم

" إِذَا كَانُوا ثَلاَثَةً فَلْيَؤُمَّهُمْ أَحَدُهُمْ وَأَحَقُّهُمْ بِالإِمَامَةِ أَقْرَؤُهُمْ"

*Maksudnya: Sayyidina Abu Sa'id al-Khudri berkata, bahawa Rasulullah S.A.W bersabda: "Jika kalian berjumlah tiga orang (dan hendak mengerjakan solat berjemaah) maka hendaklah salah seorang dari kalian yang paling banyak hafazannya menjadi imam,"*

(Riwayat Muslim: 672)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Pada zahirnya, hadis ini menerangkan kelebihan pada ahli al-Quran yang bukan sahaja dijelaskan apa yang perlu dicapai untuk dunia bahkan apa juga yang perlu dicapai untuk akhirat. Contohnya hadis ini menunjukkan tentang pentingnya solat secara berjemaah. Pemilihan imam dikalangan penghafaz al-Quran diutamakan sekiranya dalam suatu kelompok terdapat seorang yang menghafaz al-Quran. Selain itu, masyarakat memandang tinggi terhadap orang yang menghafaz al-Quran (Badrul, 2008).

Bagi memastikan keberkesanan dalam hafazan al-Quran, para *huffaz* perlulah *istiqamah* dan juga mempunyai disiplin yang kuat dalam *murajaah* al-Quran dengan menetapkan masa yang sesuai dan khusus untuk mengulang. Para *huffaz* juga boleh menggunakan kaedah *tadabbur* al-Quran dalam menjaga hafazan iaitu dengan melihat dan memahami intisari ayat-ayat al-Quran. Ini memudahkan serta menguatkan ingatan para *huffaz* terhadap sesuatu ayat yang telah dihafaz.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

*Tadabbur* adalah salah satu kaedah yang digunakan dalam proses menghafaz al-Quran iaitu dengan mengetahui, memahami dan menghayati makna ayat yang dihafaz. Pelajar disarankan menggunakan kaedah penulisan terhadap ayat-ayat yang sukar diingati dan dihafaz. Ini kerana, kaedah ini merupakan salah satu kaedah yang dapat membantu para pelajar dalam menguatkan hafazan mereka. Pencapaian hafazan pelajar sangat berkait dengan kaedah yang digunakan sepanjang pembelajaran iaitu sewaktu menghafaz dan mengukuhkan hafazan (Azmil, 2014).

Membaca ayat-ayat yang ingin dihafaz dengan mengeluarkan suara sehingga didengari sendiri oleh pelajar dan membayangkan imej muka surat atau ayat tersebut secara berulang-ulang dapat membantu dalam proses mengekalkan hafazan, kaedah ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


dinamakan kaedah *tarsikh*. Selain itu, menurut Omar (2005) kaedah *tafaqquh* juga dilaksanakan dalam proses mengukuhkan hafazan iaitu kaedah menyemak hafazan secara berulang-ulang dengan membaca secara hafazan dan melihat mushaf bagi memastikan tiada kesalahan pada ayat yang dihafaz. Omar (2005) juga mengatakan bahawa kaedah *murajaah* iaitu mengulang atau membaca ayat-ayat yang dihafaz dengan berulang-ulang secara berterusan juga merupakan salah satu kaedah yang digunakan dalam pembelajaran tahfiz.

Kaedah pembelajaran Tahfiz sangat berkait rapat dengan pencapaian pelajar (Azmil Hashim, 2014). Oleh itu, unsur-unsur pembelajaran tahfiz perlu diberi pertimbangan khas oleh semua pihak terutamanya pihak yang terlibat dalam reka bentuk kurikulum tahfiz. Selain itu, guru juga berperanan mempelbagaikan teknik pengajaran dan pembelajaran tahfiz di dalam bilik darjah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain daripada kepelbagaian metod hafazan, kepelbagaian metod *murajaah* juga merupakan satu petunjuk yang positif dalam penguasaan hafazan al-Quran. Pelbagai usaha murni yang telah disokong bagi menghasilkan para *huffaz* yang berkualiti. Seperti yang kita ketahui, walaupun terdapat pelbagai kaedah yang digunapakai dalam pengajaran dan pembelajaran, matlamatnya hanyalah satu iaitu untuk memantapkan serta mengekalkan hafazan para *huffaz.* Namun begitu, terdapat pelbagai cabaran yang perlu dihadapi oleh pihak pentadbir bagi setiap institusi dalam melahirkan para *huffaz* yang berkualiti.

Penggunaan kaedah yang pelbagai dalam sesi pembelajaran sangat penting bagi memastikan sejauhmana keberkesanan hafazan pada para *huffaz* yang sedang mendalami ilmu al-Quran itu sendiri. Sekiranya kaedah pengajaran dan pembelajaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



yang digunakan tidak teratur dan tidak sistematik, ia akan mempengaruhi hafazan pelajar serta memberi impak yang sangat besar kepada pelajar dari segi daya ingatan hafazan al-Quran (Abdul Hafiz et al. 2008).

Sebagaimana yang kita ketahui, di Malaysia terdapat kepelbagaian kaedah hafazan yang diketengahkan oleh kebanyakkan institusi tahfiz kerajaan maupun swasta seperti Kaedah Deobandi, Kaedah Pondok, Kaedah Pakistan, dan lain-lain. Menurut Abu Mazaaya, (2008) kaedah asas hafazan yang di gunakan oleh pelbagai institusi iaitu *talaqqi mushafahah, tasmi', tahfiz, takrir, tadarus, isbat* dan lain-lain.

Oleh yang demikian, kini bidang tahfiz menjadi salah satu perkara penting dalam pendidikan al-Quran di Malaysia (Ahmad Atabik, 2010). Selain itu, ia juga menjadi salah satu perkara yang cenderung di dalam pendidikan agama di peringkat rendah mahupun di peringkat menengah. Selain itu, kerajaan juga telah membuka maahad tahfiz al-Quran di setiap negeri untuk pelajar lepasan SPM. Kerajaan juga dalam proses menaik taraf keseluruhan institusi tahfiz utamanya, sebagai contoh Darul Quran dari taraf biasa ke taraf Kolej Universiti. Selain itu, Kerajaan juga berjaya menubuhkan program berkembar tahfiz dengan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) (Darul Quran, 2016). Penubuhan SMKA dan MRSM Tahfiz yang menggunakan model Tahfiz Ulul Albab merupakan usaha kerajaan yang terbaru (Mohd Shahril, 2013).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 1.3 Penyataan Masalah

Kajian mengenai kaedah-kaedah, teknik-teknik hafazan, strategi hafazan, persediaan dalaman dan luaran hafazan pelajar tahfiz lebih meluas berbanding kajian khusus mengenai mengulang hafazan, mengekalkan serta mengukuhkan hafazan. *Murajaah* hanya diselitkan dalam kajian yang dilaksanakan.

Dalam menjaga hafazan, pelajar tahfiz perlu fokus dan komited dalam proses menghafaz dan mengingat ayat-ayat al-Quran. Manusia dicipta sebagai makhluk yang tidak lari daripada sifat lupa. Secara umumnya, untuk menjaga hafazan pelajar tahfiz perlu fokus dan komited dalam proses menghafaz dan mengingat ayat-ayat al-Quran. Namun hakikatnya, tanggungjawab para *huffaz* untuk memelihara hafazan supaya kekal dalam ingatan adalah suatu tugas yang sangat sukar malah lebih sukar daripada proses menghafaz (Murihah, Abdul Hafiz dan Arieff Salleh, 2015). Selari dengan kenyataan itu, terdapat banyak hadis yang menggalakkan para *huffaz* agar kerap mengulang hafazan dan komited dalam memelihara hafazan. Selain itu, terdapat juga hadis mengenai amaran bagi yang melupakan ayat-ayat al-Quran yang telah dihafaz (Muhammad Saleem, 2012).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kegagalan dan kejayaan seseorang pelajar dalam pencapaian hafazan juga sering dikaitkan dengan institut pengajian yang menguruskan pembelajaran mereka (Mohd Mawardi, 2010; Shahrulkarnain, 2013; Mohd Aderi, 2017). Berjaya menghafaz al-Quran sebanyak 30 juzuk sewaktu persekolahan tahfiz bukan jaminan hafazan akan diingati sehingga akhir hayat. Ini kerana persekitaran pelajar selepas alam persekolahan mempengaruhi kehidupan dan rutin harian mereka terutamanya masa untuk mengulang hafazan. Mungkin yang berkecimpung dalam suasana al-Quran risiko hafazan hilang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



adalah kurang. Namun, bagi yang sebaliknya, risikonya cukup besar (Utusan Online, 2017).

Selain itu, dalam kajian Arif (2013) antara penyebab lain yang mempengaruhi hafazan menjadi tidak mantap adalah daripada pengaruh dalaman pelajar itu sendiri, manakala pengaruh lain seperti pengaruh persekitaran yang dikaitkan dengan maksiat hati, masalah dunia, keluarga dan lain-lain. Menurut Abdul Hafiz dan Hashimah (2004) menghafaz hafazan baru dan *murajaah* yang tidak berfokus juga banyak mempengaruhi hafazan sukar diingati adalah berkaitan dengan masalah dalaman dan luaran *huffaz* itu sendiri. Menurut Sedek (2012) bahawa memelihara al-Quran dengan *murajaah* ayat-ayat al-Quran yang telah dihafaz merupakan cabaran yang paling berat berbanding cabaran menghafaz hafazan baru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Zuklifli (2013) dan Sedek (2012) walaupun telah melepasi cabaran menghafaz, mengekalkan hafazan dan pelbagai fasa ujian yang ditetapkan oleh pihak institusi tahfiz tahap ingatan para *huffaz* terhadap hafazan al-Quran masih lagi lemah. Oleh itu, bagi melihat keberkesanan dalam menghafaz al-Quran pada kebiasaannya penilaian yang dibuat dalam jangka masa yang agak singkat.

Kajian Siti Suriyani (2018) mendedahkan seramai 13.6 % daripada 368 pelajar tahfiz tidak berkeyakinan dapat mengekalkan hafazan mereka manakala 22.0% bimbang tidak berjaya mengekalkan hafazan setelah tamat pengajian. Selain itu, kajian Abdul Hafiz Bin Abdullah et. al (2005) menunjukkan 35.0 % menghadapi masalah untuk memelihara, mengingati, menjaga dan mengawal apa yang telah dihafaz daripada lupa dan hilang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Tahap kesabaran yang tinggi dan disiplin yang kuat perlu diterapkan dalam diri seseorang *huffaz* untuk menghafaz ayat-ayat al-Quran bagi mencapai target yang perlu di hafaz. Pelajar perlu bersedia dengan segala bentuk masalah dan kesukaran apabila mula menghafaz, selain itu pelajar juga perlu konsisten dalam mengulang hafazan mereka. Ayat al-Quran yang dihafaz juga mudah hilang sekiranya tidak dijaga melainkan mereka betul-betul memeliharanya (Abdullah & Rahman, 2010).

Menurut Misnan dan Ahmad Sadadi (2003) menyatakan bahawa 60% daripada pelajar tidak dapat menamatkan hafazan al-Quran mengikut jadual yang ditetapkan. Begitu juga dalam kajian Azmil Hashim (2010) penilaian pelajar masih belum mencapai objektif pendidikan tahfiz yang telah digariskan. Antara faktor yang telah dikenal pasti adalah punca kelemahan dalam kaedah pengajaran tahfiz (Marzuqi, 2008). Begitu juga dengan kajian yang dijalankan oleh Azmil Hashim (2010) mengatakan punca kelemahan adalah dalam kaedah pengajaran tahfiz itu sendiri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Masalah dalaman pelajar berkaitan dengan sikap pelajar itu sendiri, pelajar lemah dan tidak bersemangat dalam melakukan tugasan. Manakala masalah luaran pula pelajar kurang peka dalam pengurusan masa dan juga gangguan persekitaran. Gangguan persekitaran bukan sahaja boleh menjejaskan tahap hafazan seseorang pelajar malah boleh mengganggu hafazan mereka (Abdul Hafiz dan Hasimah, 2004). Hal ini kerana, menurut kajian (Umu Hani, 2014) kejayaan dalam menghasilkan golongan *huffaz* berkait rapat dengan kekuatan dalaman seseorang pelajar itu sendiri. Manakala dalam kajian Azmil (2014) menjelaskan bahawa kesilapan dalam strategi pembelajaran mempengaruhi pencapaian pelajar tahfiz.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Kajian Siti Rashidah et.al (2018) pula menunjukkan subjek adab dan akhlak tidak diajar kepada pelajar tahfiz. Perkara-perkara tersebut amat penting bagi membantu pelajar dalam menjaga dan meningkatkan hafazan mereka. Adab dan akhlak terhadap al-Quran merupakan subjek yang perlu ditekankan kepada pelajar tahfiz agar mereka sentiasa beringat dan bertanggungjawab terhadap hafazan mereka.

Kajian Tang Geok Ling (2005) Pengajaran yang disampaikan itu tidak masuk dalam ingatan jangka panjang dan ini menyebabkan pelajar mudah lupa. Hal ini menunjukkan bahawa perkara yang dipelajari oleh pelajar hanya kekal dalam ingatan jangka pendek sahaja. Dengan ketiadaan saranan serta peredaran masa menyebabkan manusia mudah alpa. Pelajar sentiasa memberi tumpuan kepada maklumat baru kerana mereka sering didedahkan dengan maklumat atau perkara baru. Manakala maklumat lama akan terus hilang dengan adanya maklumat baru. Oleh itu, guru perlu merancang pelbagai kaedah pembelajaran yang menarik bersesuaian dengan topik yang diajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian Baharin Abu, Othman et al (2007) menunjukkan kepelbagaian gaya pembelajaran dan tahap kemahiran belajar memberi kesan yang berbeza terhadap tabiat dan kesungguhan pembelajaran akademik pelajar. Pada pendapat penyelidik, gaya pembelajaran seseorang pelajar tahfiz juga memberi kesan kepada hafazan mereka dan pencapaian mereka.

Kepelbagaian metod hafazan al-Quran yang wujud pada zaman sekarang merupakan petunjuk yang positif dalam percambahan ilmu hafazan al-Quran. Usaha yang murni ini disokong bagi menghasilkan *huffaz* al-Quran yang berkualiti. Walaupun terdapat pelbagai sistem hafazan al-Quran yang wujud, namun matlamatnya adalah satu iaitu memantapkan hafazan agar ianya kekal di dalam memori para *huffaz*. Namun

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



begitu, terdapat pelbagai cabaran yang dihadapi oleh pihak pentadbir institusi tahfiz dalam melahirkan para *huffaz* yang berkualiti.

Antara faktor lain yang menyebabkan hafazan seseorang *huffaz* menjadi kurang mantap adalah kerana keinginan ibu bapa yang tinggi untuk anaknya menjadi seorang *huffaz* tanpa memikirkan kemampuan hafazan dan kehendak anak mereka (Murihah, et al. 2016; Nisrina, 2015; Dasriman, 2014; Umu Hani, 2014). Menurut Nisrina, (2015) kemampuan itu merangkumi seluruh aspek iaitu luaran dan dalaman pelajar tersebut, contohnya minat terhadap hafazan, mempunyai kemahiran menghafaz dan mengingat serta menjaga hafazan. Pencapaian hafazan mereka akan terjejas sekiranya mereka tidak mengurus pembelajaran hafazan mereka dengan baik (Misnan & Ahmad Sadadi, 2010; Azmil & Misnan, 2015).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Abdul Hafiz dan Hasimah, (2004) kegagalan dalam prestasi hafazan adalah berkait dengan pelbagai faktor. Faktor lupa merupakan faktor paling utama yang selalu diketengahkan dan dikaitkan dengan kegagalan prestasi dan pencapaian hafazan pelajar (Ridhoul Wahidi, 2016). Data kajian Mohamad Marzuqi, (2008) dan Sedek, (2012) menyokong kenyataan ini. Seramai 50 orang responden dalam kajian yang dilaksanakan oleh Sedek (2012) menunjukkan hanya 2% pelajar lelaki dan 0% pelajar perempuan yang dapat mengekalkan hafazan mereka sebanyak 30 juzuk.

Selain itu, strategi menghafaz al-Quran yang dipraktikkan oleh seseorang pelajar juga berkait rapat dengan faktor luaran pelajar (Azmil, 2011). Justeru itu, kesilapan dalam menggunakan strategi menghafaz al-Quran juga dapat dilihat sebagai satu kesilapan yang menyebabkan fenomena lupa itu terjadi dan berakhir dengan keputusan pencapaian yang tidak memuaskan (Misnan dan Ahmad Sadadi, 2003)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Di Malaysia, kepelbagaian sistem hafazan yang telah diketengahkan oleh kebanyakan institusi tahfiz kerajaan dan swasta seperti kaedah Deobandi, kaedah Pondok, kaedah Pakistan, kaedah Cirebon dan kaedah Turki masih mengekalkan kaedah asas hafazan. Menurut Mazaaya (2008) kaedah asas hafazan yang diterapkan oleh pelbagai sistem hafazan institusi ialah *talaqqi*, *mushafahah*, *tasmik*, *tahfiz*, *takrir*, *tadarus.*

## 1.4 Objektif

Objektif merupakan sasaran yang ingin dicapai sepanjang tempoh kajian. Melalui objektif pengkaji dapat menentukan hala tuju kajian itu dengan jelas. Tanpa objektif yang jelas sesuatu kajian yang dijalankan tidak mungkin mendapat hasil yang tepat dan produktif. Menurut (Majid Konting, 1990) objektif kajian adalah sasaran sebenar yang boleh di cerap. Objektif kajian seperti berikut:

1. Mengenal pasti tahap kesediaan pelajar Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) sebelum menghafaz al-Quran
2. Mengenal pasti tahap kesediaan pelajar TMUA semasa menghafaz al-Quran
3. Mengenalpasti tahap kesediaan pelajar TMUA selepas menghafaz al-Quran
4. Mengenal pasti perbezaan pelaksanaan amalan *murajaah* berdasarkan demografi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



5. Mengenal pasti hubungan amalan murajaah dengan pencapaian hafazan pelajar TMUA

## 1.5 Persoalan Kajian

Persoalan kajian ini di rangka bertujuan untuk memastikan objektif yang dibuat dapat dicapai dan diukur dengan menggunakan instrumen kajian ini. Melalui persoalan kajian ini juga hala tuju kajian akan lebih jelas memandangkan terdapat persoalan yang memerlukan jawapan dan bukti sama ada dalam bentuk deskriptif mahupun inferensi. Berdasarkan pernyataan masalah yang dikemukakan, terdapat empat persoalan kajian yang perlu diterokai iaitu:

1. Bagaimanakah tahap kesediaan pelajar TMUA sebelum menghafaz al-Quran?
2. Bagaimanakah tahap kesediaan pelajar TMUA semasa menghafaz al-Quran?
3. Bagaimanakah tahap kesediaan pelajar TMUA selepas menghafaz al-Quran?
4. Apakah perbezaan pelaksanaan amalan *murajaah* berdasarkan demografi?
5. Apakah hubungan antara amalan *murajaah* dengan pencapaian hafazan pelajar TMUA?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



## 1.6 Hipotesis

Hipotesis kajian yang dibuat adalah untuk mencari kebenarannya melalui analisis dapatan yang akan dijalankan. Analisis inferensi akan digunakan untuk menentukan signifikasi yang terdapat bagi setiap pembolehubah yang dikaji. Hipotesis kajian seperti berikut:

$H_o3$ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara amalan *murajaah* dengan jantina

$H_o4$ Terdapat perbezaan antara amalan *murajaah* dengan pencapaian hafazan pelajar Tahfiz Model Ulul Albab

## 1.7 Kepentingan Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kepentingan kajian merupakan satu bentuk penghargaan atau nilai bagi kajian yang dijalankan ini. Kajian ini dijalankan adalah untuk mengambil kira kepentingan-kepentingan berikut:

1. Mengenal pasti amalan yang digunakan oleh pelajar TMUA di sekolah-sekolah yang menjalankan KBT di Negeri Selangor dalam proses *murajaah*.
2. Mengenal pasti tahap pencapaian hafazan pelajar TMUA di sekolah-sekolah yang menjalankan KBT di Negeri Selangor.
3. Mengetahui kaitan amalan *murajaah* dengan tahap pencapaian hafazan pelajar TMUA di sekolah-sekolah yang menjalankan KBT di Negeri Selangor.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Hasil kajian ini diharapkan dapat memberi maklumat dan panduan dari aspek amalan dan kaedah *murajaah* yang terbaik dan berkesan kepada para asatizah di sekolah swasta mahupun kerajaan bagi melahirkan para *huffaz* yang cemerlang bacaan al-Quran dan hafazannya.

## 1.8 Kerangka Teori Kajian

Antara teori yang digunakan dalam pemboleh ubah pencapaian hafazan pelajar ialah teori yang dicadangkan oleh (al-Qabisi, 1955), yang diadaptasi dari Jurnal Pendidikan Malaysia 43(3) SI (2018): 141-148: Farah Ilyani Zakaria, Mohd Aderi Che Noh & Khadijah Abd Razak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi




*Rajah 1.1.* Kerangka Teori : Teori Pemikiran Islam al-Qabisi (1955)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



## 1.9 Kerangka Konseptual Kajian

Model kerangka konsep yang di adaptasikan mengikut teori al-Qabisi (1955) menerangkan 3 kumpulan untuk mengetahui tentang pencapaian pelajar. Kumpulan pertama ialah demografi, manakala kumpulan kedua ialah amalan yang digunakan dalam mengingatkan hafazan pelajar. Hasil kajian ini ialah pencapaian yang diukur daripada ujian awal dan akhir tahun.




*Rajah 1.2.* Kerangka Konseptual Kajian model Al-Qabisi (1955): diadaptasi dari Jurnal Pendidikan Malaysia 43(3) SI (2018): 141-148: Farah Ilyani Zakaria, Mohd Aderi Che Noh & Khadijah Abd Razak

Al-Qabisi, 1955 menyenaraikan beberapa langkah dalam proses pembelajaran tahfiz atau strategi penguasaan al-Quran iaitu:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



i) *Talqin* (pengajaran dalam proses *tasmi'* dan *talaqqi*)

ii) *Takrar* (latih tubi mengulang hafazan)

iii) *Al-Mail* iaitu kedekatan dan kecintaan diri kepada al-Quran dalam usaha pemeliharaan (interaksi dengan al-Quran)

iv) *Al-Fahm* (kefahaman terhadap al-Quran) dari segi aspek *istirja'* secara bertulis (*tahriri).*

## 1.10 Batasan Kajian

Batasan kajian merupakan satu bentuk halangan yang telah dikenakan semasa melaksanakan kajian ini. Halangan atau batasan yang dikenakan ini bertujuan untuk memastikan skop kajian yang dibuat ini tidak terlalu besar atau kecil. Hal ini jelas melalui kenyataan berikut yang mengatakan batasan kajian memberitahu tentang had atau kekurangan kajian. Secara khususnya kajian ini dijalankan terhadap pelajar-pelajar Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) di sekolah-sekolah yang menjalankan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) di Negeri Selangor. Responden yang dipilih oleh penyelidik melibatkan pelajar tingkatan 2 dan pelajar tingkatan 4 sahaja. Jumlah sampel yang dipilih seramai 230 orang pelajar yang diwakili 138 orang pelajar perempuan dan 92 orang pelajar lelaki. Kajian ini hanya tertumpu kepada dua tingkatan sahaja.

Penyelidik memilih Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Rawang (SBPI Rawang) sebagai pusat kajian kerana Sekolah Berasrama Penuh Integrasi merupakan satu-satu nya sekolah di Negeri Selangor yang melaksanakan Kurikulum Bersepadu Tahfiz Model Ulul Albab di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia semasa kajian ini dijalankan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Responden dipilih daripada pelajar tingkatan 2 dan tingkatan 4 kerana kelulusan menjalankan kajian terhad kepada pelajar yang tidak menduduki peperiksaan awam iaitu PT3 dan SPM. Penyelidik juga tidak mengambil pelajar tingkatan 1 sebagai responden kerana penyelidik beranggapan kesediaan pelajar terhadap hafazan dan *murajaah* masih di tahap latihan. Keputusan ini juga diambil setelah bebincang dengan ketua panitia hifzul Quran.

## 1.11 Definisi Operasi Kajian

Definisi operasi kajian ini merupakan penjelasan berkenaan istilah-istilah utama yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini. Tujuannya adalah untuk memudahkan proses pemahaman dan dalam masa yang sama menyeragamkan penggunaan istilah yang digunakan dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 1.11.1 Amalan Pembelajaran

Menurut Kamus Dewan (1994) maksud amalan ialah pelaksanaan. Menurut pandangan ahli kognitif, pembelajaran boleh ditakrifkan sebagai satu proses dalaman yang menghasilkan perubahan tingkahlaku kekal. Pembelajaran merupakan salah satu bentuk interaksi antara guru dan pelajar (Ahmad Johari Sihes, 2010). Oleh yang demikian pembelajaran boleh berlaku secara formal ataupun tidak formal. Secara lazimnya pengajaran yang baik akan menghasilkan pembelajaran yang berkesan (Nor Hisham, 2011). Pembelajaran dalam konteks kajian ini merujuk kepada *murajaah.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



**i) *Murajaah***

*Murajaah* iaitu mengulang hafazan atau membaca hafalan yang telah disemak bacaan oleh guru. *Takrar* diaplikasikan agar hafazan yang pernah dihafaz tetap terjaga dengan baik (Sharifah Noorhidayah, 2017). Menurut Abu Najihat (2002) *murajaah* ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu:

a) Cara mengulang kaji hafazan yang masih baru diperolehi

b) Cara mengulang kaji hafazan yang telah lama diperolehi

*Murajaah* dalam kajian ini adalah pendekatan atau cara mengulang yang diterapkan atau diamalkan oleh pelajar dalam mengekalkan hafazan mereka. Penyelidik berpendapat bahawa setiap pelajar mempunyai amalan *murajaah* yang berbeza walaupun menggunakan kaedah *murajaah* yang sama seperti *takrir/takrar* (mengulang hafazan), *tasmik* (memperdengarkan hafazan) dan *tadarus* (menyambung-nyambung hafazan secara berkumpulan) untuk mengekalkan hafazan masing-masing.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 1.11.2 Tahfiz Model Ulul Albab

Menurut Arniyuzie (2015) pengertian ulul ialah memiliki atau mempunyai. Manakala pengertian albab pula ialah akal yang suci bersih. Perkataan albab berasal daripada kata dasar *lubb*.

Kalimah ulul albab yang disebut di dalam al-Quran merupakan satu kumpulan manusia yang khas, disanjung dan istimewa. Kumpulan manusia ini dikurniakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



kebijaksanaan dan ilmu pengetahuan yang tinggi serta diberikan hikmah. Menurut Abdullah (2006) kumpulan ini juga digelar ulamak *ensiklopedik* iaitu yg mempunyai kemahiran dalam pelbagai bidang terutamanya bidang agama. Selain itu, mempunyai kekuatan fizikal dan akal fikiran (Danial, 2015)

Kajian ini menunjukkan bahawa gabungan tiga jenis kurikulum iaitu kurikulum kebangsaan, program ulul albab dan kurikulum bersepadu tahfiz, ia merupakan tahfiz model ulul albab (TMUA). Program TMUA ini dilaksanakan di sekolah-sekolah terpilih di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai nilai tambah kepada sistem pendidikan agama. Kerajaan berharap pelajar yang lahir daripada sistem ini akan menjadi *huffaz* yang professional dalam pelbagai bidang sebagai sumber tenaga negara.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 1.11.3 Pencapaian

Menurut Kamus Pelajar Edisi Kedua (2015) pencapaian bermaksud sesuatu yang dicapai atau sesuatu yang telah berjaya dilaksanakan dengan usaha dan ketekunan. Dalam kajian ini, pencapaian merujuk kepada kejayaan pelajar dalam menghafal al-Quran dari sudut hafazan dan daya ingatan.

Penyelidik berpendapat bahawa pencapaian hafazan kesemua responden dalam kajian ini merujuk kepada hasil keputusan peperiksaan pertengahan tahun dan keputusan peperiksaan akhir tahun bagi subjek Hifz Al-Quran 2019.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



## 1.12 Kesimpulan

Bab ini secara umumnya menjelaskan berkaitan kajian yang akan dijalankan. Ia memberikan gambaran umum tentang permasalahan kajian serta menjelaskan masalah. Manakala hala tuju kajian dijelaskan dalam objektif kajian ini. Secara umumnya dapatlah dikatakan bahawa perbahasan yang dikemukakan dalam kajian-kajian lepas juga turut membuktikan bahawa *murajaah* hafazan merupakan elemen penting dalam proses mengingat hafazan al-Quran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi